

HHT 201 - Teori-Teori Seni

Tarikh: 9 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab TIGA(3) soalan sahaja.

Sila tuliskan jawapan anda dengan ringkas, tepat dan jelas.

1. Kenapakah, mengikut Marie-Andrée Couillard (Tradition in Tension, USM, 1980), kegiatan pengukiran kayu berkembang dalam masyarakat Jah Hut di Pahang? Bincangkan. Pertimbangkan juga faktor-faktor kedudukan ekonomi serta pengertian ukiran kayu dalam sistem kepercayaan agama kaum Jah Hut.
2. Dalam memperkatakan tentang senilukis pada permukaan jambangan-jambangan (vases) tembikar Yunani, Rhys Carpenter berpendapat bahawa,

"Selagi kita, dalam kebodohan, percaya bahawa tujuan dan sasaran senilukis ialah ketanggapan realistik (realistic illusion), kita tentu tidak berupaya berlaku adil kepada tujuan-tujuan seni yang hanya menggunakan kaedah-kaedah garisan."

(teks asli)

"As long as we are foolish enough to believe that realistic illusion is the end and aim of art, we shall be wholly unable to do justice to the intentions of such an art's more purely linear methods."

The Esthetic Basis of Greek Art, Indiana University Press, Bloomington, 1959, m.s. 43-44.

Berikan kefahaman anda akan apa yang dimaksudkan oleh penulis berhubung dengan penjelasannya berkenaan dengan estetik seni Yunani.

3. "Seorang artis tidak boleh bercipta di luar zamannya dan, kalau pun ia boleh, ia akan hanya berjaya membuat karya itu tidak difahami orang dengan mengetepikan rangka dalam mana karya tersebut boleh difahami."

(teks asli)

"An artist cannot invent himself out of his time and, if he could, he would succeed only in making his work incomprehensible by abandoning the framework in which it might be understood.

James S. Ackerman dan
Rhys Carpenter Art and
Archaeology, Prentice-Hall,
Inc. N.J., 1963, m.s. 167.

Apa maksud Ackerman di sini? Bagaimanakah, dengan itu, perubahan stail berlaku kalau penciptaan si artis terbatas oleh "adat resam" seni zamannya? Bagaimanakah Ackerman sendiri memahami masalah ini?

4. Dalam makalahnya yang bertajuk "Style" (Morris Philipson ed., Aesthetics Today, New American Library, N.Y., 1961, m.s. 81-113), Meyer Schapiro membuat kesimpulan bahawa,

"Sebuah teori tentang stail yang sesuai kepada masalah-masalah psikologis dan sejarah masih belum lagi direka. Ianya menunggu pengetahuan yang lebih mendalam tentang prinsip-prinsip pembentukan "form" dan "pemerasaan" (expression), dan juga sebuah teori bersepadu tentang proses-proses kehidupan sosial dalam mana cara-cara hidup praktik serta kelakuan beremosi terkandung."

(teks asli)

"A theory of style adequate to the psychological and historical problems has still to be created. It awaits for a deeper knowledge of the principles of form construction and expression and for a unified theory of the processes of social life in which the practical means of life as well as emotional behavior are comprised.

(m.s. 113)

.../3

Dengan ringkas, bincangkan bagaimana Schapiro boleh membuat kesimpulan begini. Kenapakah, pada pendapatnya, tidak ada teori yang sempurna tentang stail?

5. "Larangan dalam Islam berhubungan dengan imejan dan patung-patung telah hingga kini diterima begitu saja dan telah disebutkan oleh pensejarah-pensejarah seni dan ahli muziologi untuk memperkuatkan perbincangan tentang sifat merosak agama Islam akan seni sukukaum di Afrika Barat."

(teks asli)

"Islam's prohibition against imagery and idols have heretofore been accepted at face value and have been cited by art historians and museologists to strengthen discussions of the destructive nature of the religion with respect to tribal art in West Africa."

René A. Bravmann
Islam and Tribal Art in West Africa, Cambridge University Press, Cambridge, 1974, m.s. 15.

Memegang kepada pemerhatian Bravmann ini, yang juga boleh dikatakan relevan kepada wilayah-wilayah Islam yang lain, bagaimanakah boleh kita memahami keadaan sebenar dalam sejarah seni wilayah-wilayah Islam di mana masih terdapat gambaran-gambaran bentuk manusia dan binatang? Adakah arahan Islam tentang pembentukan imej itu begitu kuat mempengaruhi penggambaran figur dalam seni lukis? Atau adakah faktor-faktor lain yang berpengaruh di sini?

6. Secara ringkas, jelaskan teori seni di Asia yang disarankan oleh Ananda K. Coomaraswamy dengan menekankan perbincangannya tentang teori seni budaya Hindu.
7. Bincangkan kefahaman Richard Edwards tentang pengertian alam dalam lukisan Cina. Adakah anda bersetuju dengan pendapatnya bahawa pengertian tentang alam ini berubah-ubah oleh sebab si artis itu sendiri bergiat untuk menghasilkan "form" dan tidak hanya mengulangi "form" dari alam?